

13/07/2004

Fahaman Konfusius ada persamaan budaya Melayu-Islam

By Tajuddin Saman

PROF MADYA Dr Obaidellah Mohamad, (gambar) bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Tionghua, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM). Beliau antara segelintir anak Melayu memperoleh ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Sastera China Klasik di National University, Taipei, Taiwan (1971). Sepanjang pembabitannya dalam bidang pengajian China, beliau banyak menghasilkan karya terjemahan, termasuk Lun Yu: Pembicaraan Konfusius (1994), Meng Zi (1995), Bicara Puisi dan Bicara Penyair Ai Qing (1996) dan menterjemahkannya ke bahasa China, Mahathir Di Sebalik Tabir karya ZAM. Karya terbaru yang sedang ditekuni ialah Islam Di China. Ikuti wawancara TAJUDDIN SAMAN dengan beliau.

DR Obaidellah antara anak Melayu yang kecil bilangannya mendalami pengajian Tionghua. Pandangan Dr Obaidellah berhubung perkembangan budaya itu dalam konteks budaya Malaysia?

Ada dua peribahasa China iaitu 'gugur ke bumi kembali berakar umbi' dan 'gugur ke bumi pulang ke akar' yang maksudnya dalam konteks budaya melihat dari segi mana budaya itu dipraktikkan. Orang Cina negara ini ada kemelutnya. Adakah menerima budaya China 100 peratus atau menyesuaikan diri seiring dengan keadaan 'di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung'.

(END)